

**HUBUNGAN KONSEP KENDIRI DENGAN BURNOUT DI KALANGAN  
GURU-GURU SEKOLAH RENDAH DI DAERAH RANAU**

*Oleh:*

**SAHANIN KASSIM                    YT2002-6541  
RUSIZIN DANI                    YT2002-6528**

**PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**Latihan Ilmiah Ini Dikemukakan Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat  
Bagi Ijazah Sarjanamuda Pendidikan Dengan Kepujian**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2007**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

### **Abstrak**

*Kajian ini mempunyai tiga tujuan utama iaitu pertama untuk melihat sama ada terdapat hubungan di antara konsep sendiri dengan burnout di kalangan guru-guru, kedua untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara konsep sendiri dengan burnout mengikut jantina dan ketiga melihat sejauh mana faktor umur mempengaruhi tahap burnout. Soal selidik yang mengandungi tiga bahagian iaitu maklumat biografi, soalan konsep sendiri dan burnout telah digunakan untuk mengumpul data ke atas 30 orang responden yang terdiri daripada 15 responden lelaki dan 15 responden perempuan. Keputusan membuktikan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara konsep sendiri dengan burnout di kalangan guru-guru. Keputusan ini adalah berbeza dari kajian-kajian lepas di mana konsep sendiri mempengaruhi burnout. Dari segi jantina pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru lelaki dan perempuan. Keputusan telah menunjukkan lelaki mempunyai burnout yang lebih tinggi dari perempuan. Manakala dari segi umur pula menunjukkan kumpulan guru yang berumur 25 hingga 35 tahun lebih banyak mengalami burnout berbanding kumpulan umur 36 tahun ke atas. Secara keseluruhannya burnout di kalangan guru-guru sekolah rendah di sekitar daerah Ranau masih di tahap sederhana. Namun demikian sekiranya guru-guru masih kurang kesedaran tentang permasalahan ini keadaan sebaliknya mungkin akan berlaku. Langkah-langkah meningkatkan kesedaran sendiri disyorkan untuk membendung burnout.*

